

Headline	Koleksi 99 spesies buah di FRIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	18,19	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1421 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 28,343
Frequency	Daily	PR Value	RM 85,029



Koleksi 99 spesies buah di FRIM

Kakitangan dedikasikan sumbangan dalam bentuk buku untuk tatapan masyarakat

OTHAMAN Hasin, 58, dan Zawiah Ngah, 43, (gambar) menghabiskan sebahagian besar daripada masa kerja mereka dengan pokok dan tanaman.

Selama lebih 30 tahun, Othaman bekerja sebagai pembantu am tapak semaihan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong dan semasa menemani ahli botani dalam dan luar negara menjalankan kerja lapangan beliau telah banyak menimba ilmu.

Zawiah pula, seorang pembantu penyelidik bahagian hutan ladang FRIM yang telah banyak membantu pegawai penyelidik sekali gus mengumpul pelbagai pengalaman dan pengetahuan berharga sejak menceburu bidang pertanian seawal usia 20 tahun.

Apa pun, alam semula jadi telah lama menjadi sebahagian daripada sumber pendapatan, sumber makanan dan kesihatan, malahan hingga kini masih terdapat beberapa kaedah kesihatan tradisional yang terus diamalkan.

"Kami masih menggunakan bedak pupur pucuk jambu batu dengan beras goreng yang ditumbuk halus untuk kesihatan kulit, selain minum air rebusan

daun jambu untuk merawat cirit birit dan mengawal sakit perut," kata Zawiah.

Dia turut bercerita bahawa pada masa dahulu, sumber makanan mereka termasuk kulit pokok sentul, kulit rambai serta gajus yang boleh dimasak sebagai lauk, selain tampoi, asam paya, buah salam dan kamunting yang juga enak dimasak.

"Apabila tiba musim pokok asam gelugur berbunga, kami sering mengutip kudup bunga dan pucuknya yang mempunyai rasa masam-masam kelat tetapi amat enak dicicip garam," tambah beliau.

Bagaimanapun, cinta pasangan suami isteri ini terhadap pokok dan tanaman menghasilkan sebuah buku ilmu yang padat dengan gambar dan maklumat menarik bertajuk *99 Spesies Buah di FRIM*.

Berkongsi minat yang sama nyata memudahkan mereka mengumpul gambar dan maklumat mengenai pelbagai spesies pokok buah-buahan ketika berada di lapangan.

Sementara kebanyakan rakyat Malaysia mengenali buah-buahan popular seperti durian, rambutan, ciku dan yang lain, buku bergambar ini juga menampilkan buah-buahan yang jarang orang ramai dengar.

Lebih menarik, buku ini menghuraikar khasiat bahagian tertentu pada pokok buah yang boleh digunakan dalam penjagaan kesihatan, perubatan tradisional dan kecantikan yang telah diwarisi oleh pelbagai kaum termasuk kaum Orang Asli.

Buku itu juga dilengkapi dengan keterangan pengenalan, taburan, sejarah

nama tempat, kegunaan, pembiakan dan penanaman pokok selain huriahan morfologi pokok, daun, bunga

dan buah.

Selain menyenaraikan 99 spesies buah mengikut nama famili bagi memudahkan rujukan pantas, buku itu juga dilengkapkan dengan glosari dan indeks.

Menyentuh tentang buku bergambar ini, Othaman menjelaskan, FRIM-sebenarnya mempunyai lebih daripada 100 spesies tumbuh-tumbuhan berbuah dengan pelbagai fungsi dan khasiat.

Bagaimanapun, mereka memilih hanya 99 spesies untuk dibincangkan sempena 99 nama Allah selain buah-buahan adalah kurniaan Allah untuk umat manusia.

Selain merupakan hasil tangan pertama pasangan itu, ia juga menandakan kali pertama FRIM menerbitkan buku mengenai kepelbagaian spesies buah yang terdapat di pusat penyelidikannya.

"Idea menerbitkan buku itu sebenarnya berasal dari Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd Latif Mohmod yang

tidak pernah jemu berkali-kali memujuk kami melakukannya," kata Othaman.

Nyata, penghasilan buku itu mempunyai nilai tersendiri kepada Ketua Pengarah itu yang enggan membiarkan koleksi gambar dan catatan yang dikumpulkan selama bertahun-tahun itu sekadar terperuk dalam fail dan lesap begitu sahaja.

Apa pun, koleksi tumbuhan hidup itu adalah satu aset tidak ternilai yang wajar ditempatkan dalam koleksi peribadi maupun perpustakaan, memandangkan generasi kini makin kehilangan ilmu pengecaman pokok apatah lagi untuk menghayati alam sebagai khazanah dan warisan semulajadi.

Dr Abd Latif turut menjadi penyunting buku itu bersama beberapa lagi ahli botani.

Kebanyakan gambar dalam buku itu dirakam di sekitar pusat penyelidikan FRIM, termasuk di Arboretum Buah-buahan Taman Botani Kepong (*Kepong Botanical Garden*) selain di stesen penyelidikan mereka yang terletak di seluruh negara.

Mereka merakam gambar pokok, daun, bunga dan buah bagi memudahkan pembaca terutama kanak-kanak mengenalpasti dan membuat rujukan dengan lebih pantas.

Bagi spesies pokok buah yang bermusim, penerangan musim berbunga

dan berbuah turut disertakan.

Bagaimanapun, kata Othaman, ada juga buah yang sukar untuk dirakamkan gambarnya seperti asam payang dan sepat memandangkan mereka bermusim panjang dari tiga hingga lima tahun.

Menariknya, pembaca akan sedar betapa banyaknya buah-buahan tempatan seperti cerapu, rawa, redan, jentik-jentik yang mungkin tidak pernah didengari nama ataupun dilihat sebelum ini.

Barangkali pembaca juga baru mengetahui pelbagai kegunaan lain buah

Headline	Koleksi 99 spesies buah di FRIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	18,19	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1421 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 28,343
Frequency	Daily	PR Value	RM 85,029

tertentu, sebagai contoh, buah belinjau yang biasanya dibuat kerepek sebenarnya juga enak direbus untuk dimakan seperti kacang rebus.

Tahukah anda buah belinjau muda berfungsi sebagai pengempuk daging jika ditambahkan dalam masakan daging manakala pucuk belinjau mempunyai rasa manis dan sedap dibuat sayur masak lemak?

Selain mencatatkan kepelbagaiannya buah-buahan yang terdapat di sekitar FRIM, pasangan itu turut memantau pokok buah di sekitar Stesen Penyelidikan FRIM (SPF) yang terdapat di Terengganu, Pahang, Perak, Negeri Sembilan dan Perlis.

Di SPF Setiu misalnya, keadaan tanah berpasir membolehkan pokok seperti gajus, belinjau, pauh, mangga dan ceri Terengganu hidup dengan subur.

Pokok seperti durian beludu, manggis dan rambutan tumbuh dengan baik di SPF Jengka, sementara pokok berangan paling berjaya hidup di SPF Pasoh.

Selain itu, pokok buah seperti sukun, pauh, mengkudu dan nangka banyak terdapat di SPF Bidor, manakala pokok buah-buahan masam seperti mangga, kedondong dan limau kasturi amat subur di SPF Mata Ayer Perlis.

Apabila ke lokasi luar, mereka turut membawa pulang anak benih untuk ditanam di FRIM bagi mengekang kepupusan spesies itu.

Othaman dan isterinya berharap agar buku itu dapat dimanfaat sebagai satu rujukan warisan semulajadi yang kekal subur untuk generasi akan datang.

“Jika diizinkan, kami berharap agar ia dapat diterjemahkan ke Bahasa Inggeris supaya lebih ramai pembaca dari dalam dan luar negara dapat manfaat, kami juga sedang berusaha untuk menerbitkan sebuah lagi buku iaitu jilid kedua dengan topik yang serupa,” jelasnya.

Anak pasangan ini Nur Azirah, 13, bangga dengan nukilan ibu bapanya, bukti minat mendalam ibu bapanya terhadap tanaman dan pokok.-BERNAMA

FRIM-MARDI pacu bidang penyelidikan

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) baru-baru ini memeterai satu memorandum persefahaman (Mou) dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi menggalakkan kerjasama penyelidikan dan perkongsian pengetahuan saintifik antara kedua-dua pihak terutamanya dalam pembangunan hasilan semulajadi, pengeluaran bahan-bahan tanaman dan bidang bioteknologi.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd Latif Mohmod berkata, pihaknya dan MARDI yang masing-masing merupakan institusi penyelidikan dalam bidang perhutanan dan pertanian memainkan

Headline	Koleksi 99 spesies buah di FRIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	18,19	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1421 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 28,343
Frequency	Daily	PR Value	RM 85,029

peranan penting dalam membantu negara mencapai hasrat dan objektif Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Menerusi kerjasama tersebut, industri herba telah dikenalpasti sebagai projek penggerak ekonomi permulaan pertama (EPP1) bagi Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pertanian.

Beliau juga berharap kerjasama kedua-dua pihak ini akan dapat menyumbang kepada peningkatan nilai komersial produk-produk herba tempatan.

Dalam komitmen untuk membantu industri herba, FRIM telah menyertai dan melaksanakan pelbagai program kerjasama termasuk Program Peningkatan Kualiti Produk Herba dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Program Pembangunan Usahawan Siswazah Bio (FMBioSis™) dengan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC).

FRIM juga telah menjalankan usaha pengeluaran Monograf Herba Malaysia yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dan *Program BioNexus Partners* (BNP) yang merupakan inisiatif Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp).

Pada majlis itu, beliau mewakili Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (MFRDB) menandatangani perjanjian tersebut manakala MARDI diwakili bekas Ketua Pengaruhnya, Datuk Dr Abdul Shukor Abdul Rahman.

Yang turut hadir ialah Timbalan

Ketua Setiausaha (Alam Sekitar) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr Abdul Rahim Nik, dan Ketua Sekretariat Pejabat Pengurusan

Penyampaian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Ibrahim Salleh.

Selepas majlis menandatangani perjanjian, Ibrahim menyampaikan replika cek RM1 juta daripada kementerian kepada FRIM untuk melaksanakan projek mendokumentasi pengetahuan tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan ke-10, FRIM telah berjaya mendokumentasikan pengetahuan tradisi mengenai 966 tumbuhan ubatan dan beraroma yang digunakan oleh 11 daripada 18 sub-etnik Orang Asli di Semenanjung.

Dalam ucapannya, Dr. Abd. Shukor telah menyatakan keyakinannya bahawa gabungan sumber dan kepakaran MARDI dan FRIM akan dapat membantu meningkatkan pembangunan ekonomi melalui pengukuhan industri herba hiliran dan pembangunan produk baru.

Info Penulis

Zawiyah Ngah.

Asal: Marang Terengganu

Pendidikan

- Sekolah Kebangsaan Wakaf Tapai
- Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sawa Marang
- Institut Pertanian Bumbung Lima Seberang Prai (1989-1991)

- Institut Pertanian Titi Gantung Perak (1991-1992)

Kerjaya

- Pekerja Sambilan RISDA Terengganu
- Pembantu Penyelidik Kontrak Unit Hutan Bandar (FRIM)

- Pembantu Penyelidik Bahagian Hutan Ladang

Othaman Husin

Asal: Arau Perlis

Pendidikan

- Sek Keb. Gedung Gajah
- Sekolah Menengah Raja Shahiman, Beruas Perak

Kerjaya

- Pekerja Am FRIM
- Pemandu di FRIM


Judul Buku: *99 Spesies Buah di FRIM*

*Harga RM120 senaskah buku *99 Spesies Buah di FRIM* hanya dijual di Kedai Buku FRIM Kepong dan boleh ditempah menerusi laman web rasmi FRIM atau melalui e-mel ke alamat FRIM_Publications@frim.gov.my atau di talian 03-62797490 dan 03-62797491.


Headline	Koleksi 99 spesies buah di FRIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	18,19	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1421 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 28,343
Frequency	Daily	PR Value	RM 85,029



POKOK cempedak (kiri) dan cermai belanda (kanan) adalah salah satu daripada lebih 100 spesies pokok buah-buahan tempatan yang hidup di FRIM.



Headline	Koleksi 99 spesies buah di FRIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	18,19	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1421 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 28,343
Frequency	Daily	PR Value	RM 85,029



**PASANGAN suami
isteri Othaman
Hasin dan Zawiah
Ngah bersama anak
tunggal mereka Nur
Azirah.**